

03/03/1997

Perdana Menteri ucap takziah

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan takziah kepada keluarga ketiga-tiga mangsa yang terbunuh dalam kejadian pesawat Cessna 172 milik Mofaz Air yang terhempas di Kelibang, di sini hari ini.

"Saya berasa amat sedih dengan kejadian itu.

"Saya mengucapkan takziah kepada keluarga mereka," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Perdana Menteri berkata, beliau belum dimaklumkan mengenai punca nahas itu.

"Mungkin juga ketika itu pesawat sedang terbang rendah. Punca nahas belum dikenal pasti," katanya.

Dua jurukamera Filem Negara, Abdul Razak Md Nor, 43, dan Ishak Latif, 32, kedua-dua dari Kuala Lumpur, serta juruterbang Nik Alfian Nik Abdul Ghani, 26, terbunuh dalam nahas itu yang berlaku pada jam 3.45 petang di kawasan belukar paya di Kampung Bakau, Kelibang, kira-kira 500 meter dari Jalan Kelibang.

Pesawat itu disewa khas oleh Filem Negara untuk membuat rakaman lumba basikal peringkat akhir Le Tour de Langkawi di Kuah dari udara.

(END)